



31 Mac 2022  
31 March 2022  
P.U. (A) 83

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN PENCEGAHAN DAN  
PENGAWALAN PENYAKIT BERJANGKIT  
(LANGKAH-LANGKAH DI DALAM  
KAWASAN TEMPATAN JANGKITAN)  
(PELAN PEMULIHAN NEGARA)  
(FASA PERALIHAN KE ENDEMIK) 2022

*PREVENTION AND CONTROL OF INFECTIOUS DISEASES  
(MEASURES WITHIN INFECTED LOCAL AREAS)  
(NATIONAL RECOVERY PLAN)  
(TRANSITION PHASE TO ENDEMIC) REGULATIONS 2022*

DISIARKAN OLEH/  
PUBLISHED BY  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PENCEGAHAN DAN PENGAWALAN PENYAKIT BERJANGKIT 1988

PERATURAN-PERATURAN PENCEGAHAN DAN PENGAWALAN PENYAKIT BERJANGKIT  
(LANGKAH-LANGKAH DI DALAM KAWASAN TEMPATAN JANGKITAN)  
(PELAN PEMULIHAN NEGARA) (FASA PERALIHAN KE ENDEMIK) 2022

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 11(2) dan seksyen 31 Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [*Akta 342*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah di dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) (Pelan Pemulihan Negara) (Fasa Peralihan ke Endemik) 2022**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 April 2022.

**Pemakaian**

2. (1) Peraturan-Peraturan ini hendaklah terpakai bagi semua kawasan tempatan jangkitan.

(2) Sesuatu kawasan tempatan jangkitan, atau bahagian, daerah, mukim atau tempat, dalam kawasan tempatan jangkitan, adalah tertakluk kepada mana-mana fasa yang ditetapkan.

**Tafsiran**

3. Dalam Peraturan-Peraturan ini—

“fasa yang ditetapkan” ertinya mana-mana fasa dalam Pelan Pemulihan Negara yang ditetapkan dan diumumkan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa dan disiarkan dalam laman sesawang Majlis Keselamatan Negara;

“kawasan tempatan jangkitan” ertinya mana-mana kawasan yang diisytiharkan sebagai kawasan tempatan jangkitan di bawah Perintah Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Pengisytiharan Kawasan Tempatan Jangkitan) 2020 [P.U. (A) 87/2020];

“peranti pengesanan” ertinya apa-apa peranti yang diberikan oleh pegawai diberi kuasa termasuklah suatu gelang tangan.

### **Aktiviti terlarang**

4. Tiada seorang pun boleh, semasa dalam mana-mana fasa yang ditetapkan, melakukan, menganjurkan, mengusahakan atau selainnya terlibat dalam, mana-mana aktiviti terlarang sebagaimana yang ditetapkan dalam arahan oleh Ketua Pengarah dari semasa ke semasa dan arahan itu hendaklah disiarkan dalam laman sesawang Majlis Keselamatan Negara.

### **Larangan pergerakan ke tempat yang tertakluk kepada perintah kawalan pergerakan diperketat**

5. (1) Tiada seorang pun boleh masuk ke dalam atau keluar dari suatu tempat yang tertakluk kepada suatu perintah kawalan pergerakan diperketat kecuali mana-mana orang yang memberikan perkhidmatan jagaan kesihatan dan perubatan atau yang diberikan kebenaran oleh pegawai diberi kuasa.

(2) Bagi maksud subperaturan (1), “perintah kawalan pergerakan diperketat” merujuk kepada arahan yang diberikan oleh pegawai diberi kuasa di bawah subseksyen 11(3) Akta.

### **Larangan berarak**

6. (1) Tiada seorang pun boleh, semasa dalam mana-mana fasa yang ditetapkan, dengan apa-apa cara menyertai atau terlibat dalam apa-apa perarakan.

(2) Walau apa pun subperaturan (1), seseorang boleh, semasa dalam mana-mana fasa yang ditetapkan, menyertai atau terlibat dalam apa-apa perarakan tertakluk kepada apa-apa arahan dan syarat yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah.

(3) Apa-apa arahan dan syarat yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah di bawah subperaturan (2) hendaklah disiarkan dalam laman sesawang Majlis Keselamatan Negara.

### **Kawalan berhimpun**

7. (1) Tiada seorang pun boleh, semasa dalam mana-mana fasa yang ditetapkan, berhimpun atau terlibat dalam apa-apa perhimpunan di dalam mana-mana premis di dalam mana-mana kawasan tempatan jangkitan.

(2) Walau apa pun subperaturan (1), seseorang boleh, semasa dalam mana-mana fasa yang ditetapkan, berhimpun atau terlibat dalam apa-apa perhimpunan tertakluk kepada apa-apa arahan dan syarat yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah.

(3) Apa-apa arahan dan syarat yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah di bawah subperaturan (2) hendaklah disiarkan dalam laman sesawang Majlis Keselamatan Negara.

### **Kehendak untuk memakai peranti pengesanan**

8. (1) Seseorang pegawai diberi kuasa boleh mengarahkan supaya mana-mana orang yang dijangkiti oleh Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) atau yang dia mempunyai sebab untuk percaya telah dijangkiti oleh Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19), atau mana-mana kontak, untuk memakai apa-apa peranti pengesanan yang diberikan kepadanya.

(2) Mana-mana orang yang disebut dalam subperaturan (1) hendaklah mematuhi apa-apa arahan yang dikeluarkan oleh seseorang pegawai diberi kuasa.

(3) Mana-mana orang yang memusnahkan, merosakkan, menghilangkan atau mengubah peranti pengesanan itu melakukan suatu kesalahan.

**Kehendak untuk menjalani pemeriksaan kesihatan apabila tiba di Malaysia**

9. (1) Pegawai diberi kuasa boleh mengarahkan mana-mana orang yang dibenarkan oleh Ketua Pengarah Imigresen, yang memasuki Malaysia dari luar negara untuk menjalani pemeriksaan kesihatan apabila tiba di Malaysia di mana-mana pintu masuk sebelum mendapatkan pelepasan imigresen, atau di mana-mana tempat lain yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(2) Mana-mana orang yang disebut dalam subperaturan (1) hendaklah mematuhi apa-apa arahan yang dikeluarkan oleh seseorang pegawai diberi kuasa.

(3) Jika mana-mana orang telah diarahkan untuk menjalani kuarantin di bawah subperaturan (2), pegawai diberi kuasa boleh mengarahkan orang itu untuk memakai peranti pengesanan.

(4) Mana-mana orang yang memusnahkan, merosakkan, menghilangkan atau mengubah peranti pengesanan itu melakukan suatu kesalahan.

**Pengasingan atau pengawasan orang yang dijangkiti dan orang yang disyaki**

10. (1) Seseorang pegawai diberi kuasa boleh, melalui apa-apa cara, mengarahkan supaya mana-mana orang yang dijangkiti oleh Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) atau yang dia mempunyai sebab untuk percaya telah dijangkiti oleh Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) untuk menjalani pengasingan atau pengawasan di mana-mana tempat dan bagi apa-apa tempoh yang difikirkannya patut atau sehingga dia boleh dilepaskan tanpa membahayakan orang lain.

(2) Bagi maksud subperaturan (1), seseorang pegawai diberi kuasa boleh menggunakan kekerasan yang perlu untuk memastikannya dipatuhi.

**Kehendak bagi majikan untuk menyebabkan pekerja asingnya menjalani ujian pengesanan Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)**

11. (1) Bagi maksud untuk mencegah dan mengawal merebaknya Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) di tempat kerja, seseorang pegawai diberi kuasa boleh mengarahkan mana-mana majikan yang mengambil kerja seseorang pekerja asing supaya menyebabkan pekerja asing itu menjalani ujian pengesanan Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19), dan majikan itu hendaklah menanggung fi, kos atau caj bagi ujian itu.

(2) Bagi maksud peraturan ini, “pekerja asing” ertinya pemegang Pas Lawatan (Kerja Sementara) yang dikeluarkan di bawah peraturan 11 Peraturan-Peraturan Imigresen 1963 [*F.L.N. 228/1963*].

**Kos dan perbelanjaan yang dikenakan atau ditanggung bagi layanan perubatan dan penyaraan di stesen kuarantin**

12. (1) Jika seseorang pegawai diberi kuasa menyebabkan supaya mana-mana orang dipindahkan ke suatu stesen kuarantin bagi rawatan di bawah seksyen 14 Akta atau jika seseorang pegawai diberi kuasa mengarahkan supaya mana-mana orang menjalani pemerhatian atau pengawasan di mana-mana tempat di bawah seksyen 15 Akta, orang itu hendaklah membayar apa-apa kos dan perbelanjaan yang dikenakan atau ditanggung bagi layanan perubatan dan penyaraan orang itu di stesen kuarantin atau tempat itu.

(2) Jika seseorang pegawai diberi kuasa menyebabkan supaya mana-mana pekerja asing dipindahkan ke suatu stesen kuarantin bagi rawatan di bawah seksyen 14 Akta atau jika seseorang pegawai diberi kuasa mengarahkan supaya mana-mana pekerja asing menjalani pemerhatian atau pengawasan di mana-mana tempat di bawah seksyen 15 Akta, majikan yang mengambil kerja pekerja asing itu hendaklah membayar apa-apa kos dan perbelanjaan yang dikenakan atau ditanggung bagi layanan perubatan dan penyaraan pekerja asing itu di stesen kuarantin atau tempat itu.

### **Mendapatkan balik kos dan perbelanjaan sebagai hutang sivil**

13. (1) Apa-apa kos dan perbelanjaan yang terhutang dan kena dibayar oleh mana-mana orang di bawah peraturan 12 boleh didapatkan balik sebagai suatu hutang sivil yang kena bayar kepada Kerajaan.

(2) Walau apa pun sabitan mana-mana orang di bawah peraturan 18, apa-apa kos dan perbelanjaan yang terhutang dan kena dibayar oleh orang itu di bawah peraturan 12 boleh didapatkan balik sebagai suatu hutang sivil yang kena bayar kepada Kerajaan.

### **Pengangkutan awam**

14. (1) Walau apa pun jumlah kapasiti maksimum bilangan penumpang yang boleh dibawa di dalam mana-mana pengangkutan awam darat, laut atau udara, seseorang pemegang lesen atau permit mana-mana pengangkutan awam darat, laut atau udara untuk membawa penumpang hendaklah, semasa dalam mana-mana fasa yang ditetapkan, memastikan pengangkutan awam yang berhubungan dengan lesen atau permitnya membawa bilangan penumpang tertakluk kepada apa-apa arahan dan syarat yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah.

(2) Apa-apa arahan dan syarat yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah di bawah subperaturan (1) hendaklah disiarkan dalam laman sesawang Majlis Keselamatan Negara.

### **Peruntukan khas berhubung dengan kawalan pergerakan di dalam Negeri Sabah dan Sarawak**

15. (1) Walau apa pun apa-apa peruntukan dalam Peraturan-Peraturan ini, kawalan pergerakan, langkah, dan apa-apa syarat bagi kawalan pergerakan dan langkah itu, bagi maksud untuk mencegah dan mengawal merebaknya Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) di dalam Negeri Sabah dan Sarawak, hendaklah sebagaimana yang diarahkan oleh Ketua Pengarah.

(2) Apa-apa arahan dan syarat yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah di bawah subperaturan (1) hendaklah disiarkan dalam laman sesawang Majlis Keselamatan Negara.

### **Permintaan maklumat**

16. Seseorang pegawai diberi kuasa boleh meminta apa-apa maklumat yang berhubungan dengan pencegahan dan pengawalan penyakit berjangkit daripada mana-mana orang atau kumpulan orang.

### **Arahan Ketua Pengarah**

17. (1) Ketua Pengarah boleh, semasa dalam mana-mana fasa yang ditetapkan, mengeluarkan apa-apa arahan dan syarat mengikut apa-apa cara, sama ada secara am atau khusus, kepada mana-mana orang atau kumpulan orang supaya mengambil apa-apa langkah bagi maksud mencegah dan mengawal apa-apa penyakit berjangkit di dalam mana-mana kawasan tempatan jangkitan.

(2) Apa-apa arahan dan syarat yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah di bawah subperaturan (1) hendaklah disiarkan dalam laman sesawang Majlis Keselamatan Negara.

### **Kesalahan**

18. (1) Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan Peraturan-Peraturan ini atau mana-mana arahan dan syarat Ketua Pengarah atau seseorang pegawai diberi kuasa melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

(2) Jika mana-mana orang yang melakukan suatu kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan ini ialah suatu syarikat, perkongsian liabiliti terhad, firma, pertubuhan atau kumpulan orang yang lain, seseorang yang pada masa pelakuan kesalahan itu ialah seorang pengarah, pegawai pematuhan, pekongsi, pengurus, setiausaha atau pegawai lain yang seumpamanya bagi syarikat, perkongsian liabiliti terhad, firma, pertubuhan atau kumpulan orang yang lain itu atau

yang berupa sebagai bertindak atas sifat itu atau yang dengan apa-apa cara atau sehingga apa-apa takat bertanggungjawab bagi pengurusan apa-apa hal ehwal syarikat, perkongsian liabiliti terhad, firma, pertubuhan atau kumpulan orang yang lain itu atau membantu dalam pengurusannya—

- (a) boleh dipertuduh secara berasingan atau bersejajarnya dalam prosiding yang sama bersekali dengan syarikat, perkongsian liabiliti terhad, firma, pertubuhan atau kumpulan orang yang lain itu; dan
- (b) jika syarikat, perkongsian liabiliti terhad, firma, pertubuhan atau kumpulan orang yang lain itu didapati bersalah atas kesalahan itu, hendaklah disifatkan bersalah atas kesalahan itu dan boleh dikenakan hukuman atau penalti yang sama sebagaimana seorang individu melainkan jika, dengan mengambil kira jenis fungsinya atas sifat itu dan segala hal keadaan, dia membuktikan—
  - (i) bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa pengetahuannya; dan
  - (ii) bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa persetujuan atau pembiarannya dan bahawa dia telah mengambil segala langkah yang munasabah dan menjalankan segala usaha yang wajar untuk menghalang pelaksanaan kesalahan itu.

### **Pembatalan dan kecualian**

19. (1) Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah di dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) (Pelan Pemulihan Negara) 2021 [*P.U. (A) 293/2021*] dan Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Layanan Perubatan dan Penyaraan Orang yang Dipindahkan ke Stesen Kuarantin) (No. 2) 2020 [*P.U. (A) 233/2020*] dibatalkan.

(2) Apa-apa arahan Ketua Pengarah yang dikeluarkan atau disifatkan telah dikeluarkan di bawah Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah di dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) (Pelan Pemulihan Negara) 2021 hendaklah disifatkan telah dibuat di bawah Peraturan-Peraturan ini dan hendaklah terus kekal berkuat kuasa melainkan jika dibatalkan oleh Ketua Pengarah.

(3) Apa-apa kos dan perbelanjaan yang terhutang dan kena dibayar di bawah peraturan 2 Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Layanan Perubatan dan Penyaraan Orang yang Dipindahkan ke Stesen Kuarantin) (No. 2) 2020 sebaik sebelum permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini hendaklah didapatkan sebagai suatu hutang sivil seolah-olah Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Layanan Perubatan dan Penyaraan Orang yang Dipindahkan ke Stesen Kuarantin) (No. 2) 2020 tidak pernah dibatalkan.

Dibuat 30 Mac 2022

[KKM.600-29/4/146 Jld.2 (30); PN(PU2)470/Jld. 7]

KHAIRY JAMALUDDIN ABU BAKAR  
*Menteri Kesihatan*

PREVENTION AND CONTROL OF INFECTIOUS DISEASES ACT 1988

PREVENTION AND CONTROL OF INFECTIOUS DISEASES  
(MEASURES WITHIN INFECTED LOCAL AREAS) (NATIONAL RECOVERY PLAN)  
(TRANSITION PHASE TO ENDEMIC) REGULATIONS 2022

IN exercise of the powers conferred by subsection 11(2) and section 31 of the Prevention and Control of Infectious Diseases Act 1988 [Act 342], the Minister makes the following regulations:

**Citation and commencement**

1. (1) These regulations may be cited as the **Prevention and Control of Infectious Diseases (Measures within Infected Local Areas) (National Recovery Plan) (Transition Phase to Endemic) Regulations 2022**.

(2) These Regulations come into operation on 1 April 2022.

**Application**

2. (1) These Regulations shall apply to all infected local areas.

(2) An infected local area, or a division, district, mukim or place, in the infected local area, is subject to any designated phase.

**Interpretation**

3. In these Regulations—

“designated phase” means any phase in the National Recovery Plan determined and announced by the Government from time to time and published in the website of the National Security Council;

“infected local area” means any area declared to be an infected local area under the Prevention and Control of Infectious Diseases (Declaration of Infected Local Areas) Order 2020 [P.U. (A) 87/2020];

“tracing device” means any device provided by the authorized officer including a wristband.

**Prohibited activity**

4. No person shall, during any designated phase, carry out, organize, undertake or otherwise be involved in, any prohibited activity as determined in the directions by the Director General from time to time and the directions shall be published in the website of the National Security Council.

**Prohibition on movement to place that is subject to enhanced movement control order**

5. (1) No person shall enter into or exit from a place that is subject to an enhanced movement control order except any person who is providing healthcare and medical services or is given permission by an authorized officer.

(2) For the purposes of subregulation (1), “enhanced movement control order” refers to directions given by an authorized officer under subsection 11(3) of the Act.

**Prohibition on procession**

6. (1) No person shall, during any designated phase, in any way participate or be involved in any procession.

(2) Notwithstanding subregulation (1), a person may, during any designated phase, participate or be involved in any procession subject to any directions and conditions issued by the Director General.

(3) Any directions and conditions issued by the Director General under subregulation (2) shall be published in the website of the National Security Council.

**Control of gathering**

7. (1) No person shall, during any designated phase, gather or be involved in any gathering in any premises within any infected local area.

(2) Notwithstanding subregulation (1), a person may, during any designated phase, gather or be involved in any gathering subject to any directions and conditions issued by the Director General.

(3) Any directions and conditions issued by the Director General under subregulation (2) shall be published in the website of the National Security Council.

**Requirement to wear tracing device**

8. (1) An authorized officer may direct any person who is infected by the Coronavirus Disease 2019 (COVID-19) or whom he has reason to believe to be infected by the Coronavirus Disease 2019 (COVID-19), or any contact, to wear any tracing device provided to him.

(2) Any person referred to in subregulation (1) shall comply with any directions issued by an authorized officer.

(3) Any person who destroys, damages, loses or tampers with the tracing device commits an offence.

**Requirement to undergo health examination upon arrival in Malaysia**

9. (1) An authorized officer may direct any person permitted by the Director General of Immigration, entering Malaysia from overseas to undergo health examination upon arrival in Malaysia at any point of entry before proceeding for immigration clearance, or at any other place determined by the Director General.

(2) Any person referred to in subregulation (1) shall comply with any directions issued by an authorized officer.

(3) Where any person has been directed to undergo quarantine under subregulation (2), the authorized officer may direct such person to wear a tracing device.

(4) Any person who destroys, damages, loses or tampers with the tracing device commits an offence.

### **Isolation or surveillance of infected persons and suspects**

10. (1) An authorized officer may, by any means, direct any person who is infected by the Coronavirus Disease 2019 (COVID-19) or whom he has reason to believe to be infected by the Coronavirus Disease 2019 (COVID-19) to undergo isolation or surveillance in such place and for such period as he may think fit or until he may be discharged without danger to the public.

(2) For the purposes of subregulation (1), an authorized officer may use such force as may be necessary to ensure compliance with his directions.

### **Requirement for employer to cause his foreign employee to undergo Coronavirus Disease 2019 (COVID-19) detection test**

11. (1) For the purpose of preventing and controlling the spread of the Coronavirus Disease 2019 (COVID-19) at work place, an authorized officer may direct any employer who employs a foreign employee to cause the foreign employee to undergo Coronavirus Disease 2019 (COVID-19) detection test, and the employer shall pay the fee, cost or charges for the test.

(2) For the purposes of this regulation, “foreign employee” means a holder of a Visit Pass (Temporary Employment) issued under regulation 11 of the Immigration Regulations 1963 [*F.L.N. 228/1963*].

**Cost and expenses charged or incurred for medical attendance and maintenance at quarantine station**

12. (1) If an authorized officer causes any person to be removed to a quarantine station for treatment under section 14 of the Act or if an authorized officer directs any person to undergo observation or surveillance in any place under section 15 of the Act, the person shall pay any cost and expenses charged or incurred for the medical attendance and maintenance of such person at the quarantine station or place.

(2) If an authorized officer causes any foreign employee to be removed to a quarantine station for treatment under section 14 of the Act or if an authorized officer directs any foreign employee to undergo observation or surveillance in any place under section 15 of the Act, the employer who employs such foreign employee shall pay any cost and expenses charged or incurred for the medical attendance and maintenance of such foreign employee at the quarantine station or place.

**Recovery of cost and expenses as civil debt**

13. (1) Any cost and expenses due from and payable by any person under regulation 12 may be recovered as a civil debt due to the Government.

(2) Notwithstanding the conviction of any person under regulation 18, any cost and expenses due from and payable by that person under regulation 12 may be recovered as a civil debt due to the Government.

**Public transport**

14. (1) Notwithstanding the total maximum capacity of the number of passengers that may be carried on board any land, sea or air public transport, a holder of any land, sea or air public transport licence or permit to carry passengers shall, during any designated phase, ensure that the public transport relating to his licence or permit carries such number of passengers subject to any directions and conditions issued by the Director General.

(2) Any directions and conditions issued by the Director General under subregulation (1) shall be published in the website of the National Security Council.

**Special provision relating to control of movement within the States of Sabah and Sarawak**

15. (1) Notwithstanding any provision in these Regulations, the control of movement, measures, and any conditions for the control of movement and measures, for the purpose of preventing and controlling the spread of Coronavirus Disease 2019 (COVID-19) within the States of Sabah and Sarawak, shall be as directed by the Director General.

(2) Any directions and conditions issued by the Director General under subregulation (1) shall be published in the website of the National Security Council.

**Request for information**

16. An authorized officer may request for any information relating to the prevention and control of infectious disease from any person or body of persons.

**Directions of Director General**

17. (1) The Director General may, during any designated phase, issue any directions and conditions in any manner, whether generally or specifically, to any person or group of persons to take such measures for the purpose of preventing and controlling any infectious diseases within any infected local area.

(2) Any directions and conditions issued by the Director General under subregulation (1) shall be published in the website of the National Security Council.

**Offence**

18. (1) Any person who contravenes any provision of these Regulations or any directions and conditions of the Director General or an authorized officer commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding one thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding six months or to both.

(2) Where any person who commits an offence under these Regulations is a company, limited liability partnership, firm, society or other body of persons, a person who at the time of the commission of the offence was a director,

compliance officer, partner, manager, secretary or other similar officer of the company, limited liability partnership, firm, society or other body of persons or was purporting to act in the capacity or was in any manner or to any extent responsible for the management of any of the affairs of the company, limited liability partnership, firm, society or other body of persons or was assisting in its management—

- (a) may be charged severally or jointly in the same proceedings with the company, limited liability partnership, firm, society or the body of persons; and
- (b) if the company, limited liability partnership, firm, society or the body of persons is found guilty of the offence, shall be deemed to be guilty of that offence and shall be liable to the same punishment or penalty as an individual unless, having regard to the nature of his functions in that capacity and to all circumstances, he proves—
  - (i) that the offence was committed without his knowledge; and
  - (ii) that the offence was committed without his consent or connivance and that he had taken all reasonable precautions and exercised due diligence to prevent the commission of the offence.

### **Revocation and savings**

19. (1) The Prevention and Control of Infectious Diseases (Measures within Infected Local Areas) (National Recovery Plan) Regulations 2021 [*P.U. (A) 293/2021*] and the Prevention and Control of Infectious Diseases (Medical Attendance and Maintenance of Person Removed to Quarantine Station) (No. 2) Regulations 2020 [*P.U. (A) 233/2020*] are revoked.

(2) Any directions of the Director General issued or deemed to have been issued under the Prevention and Control of Infectious Diseases (Measures within Infected Local Areas) (National Recovery Plan) Regulations 2021 shall be deemed to have been

made under these Regulations and shall continue to remain in force unless revoked by the Director General.

(3) Any cost and expenses due from and payable under regulation 2 of the Prevention and Control of Infectious Diseases (Medical Attendance and Maintenance of Person Removed to Quarantine Station) (No. 2) Regulations 2020 immediately before the commencement of these Regulations shall be recovered as a civil debt as if the Prevention and Control of Infectious Diseases (Medical Attendance and Maintenance of Person Removed to Quarantine Station) (No. 2) Regulations 2020 has never been revoked.

Made 30 March 2022

[KKM.600-29/4/146 Jld.2 (30); PN(PU2)470/Jld. 7]

KHAIRY JAMALUDDIN ABU BAKAR  
*Minsitry of Health*